

17/02/1998

Warga desa disaran tingkat pengetahuan IT

KUALA LUMPUR, Isnin - Masyarakat desa disaran meningkatkan pengetahuan dalam bidang komputer dan teknologi maklumat (IT) selaras langkah kerajaan mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Muhamed berkata wawasan kerajaan untuk mewujudkan masyarakat bermaklumat merangkumi semua lapisan masyarakat dan usaha itu akan dipergiat bagi memastikan semua rakyat Malaysia celik IT.

"Walaupun negara mengalami kegawatan ekonomi, projek MSC tidak ditangguh, malah langkah beberapa syarikat yang terbabit dalam projek itu menambah pelaburan adalah petanda positif mengenai kepentingannya.

"MSC untuk kebaikan rakyat, kempen yang giat dijalankan bertujuan menentukan tiada yang tertinggal dan masyarakat harus menjadikannya sebagai iltizam untuk memahami MSC dan IT secara lebih mendalam," katanya selepas majlis pelancaran logo Eksposisi Multimedia, Telekomunikasi dan Elektronik Kelantan 1998 (Emtek) di sini, hari ini.

Eksposisi enam hari yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pasir Mas, Kelantan pada 29 Mei depan anjuran bersama Yayasan Pasir Mas (YPM) dan Create & Create Communications Sdn Bhd.

(END)